



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

16 OKTOBER 2022 (AHAD)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

16 OKTOBER 2022 (AHAD)



ALEXANDER (dua dari kiri) melawat gerai pameran Hari Industri Jualan Langsung Malaysia Peringkat Negeri Melaka 2022 di Mahkota Parade, semalam.

ALEXANDER menyampaikan Lesen Jualan Langsung kepada salah seorang penerima semalam.

Ranking terkini yang dikeluarkan WFDSA selepas kedudukan ke-7 sebelum ini

Jualan langsung Malaysia ke-6 global

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELAKA – Industri Jualan Langsung di Malaysia kini berada pada kedudukan keenam di peringkat global dari segi nilai jualan, setelah mencatatkan jualan berjumlah RM25.7 billion pada tahun 2020, menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau mengumumkan

pencapaian itu pada Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia Peringkat Negeri Melaka 2022 di sini, semalam.

Jelasnya, kedudukan tersebut adalah berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh Persekutuan Persatuan Jualan Langsung Dunia (WFDSA), baru-baru ini.

"Nilai jualan industri Jualan Langsung bagi tahun 2020 telah mencatatkan peningkatan ketara berbanding RM21.5 billion yang dicapai pada 2019.

"Melalui laporan yang

dikeluarkan oleh WFDSA, industri jualan langsung di Malaysia kini berada pada kedudukan keenam di dunia, berbanding di ranking ketujuh sebelum ini," katanya.

Alexander menambah, Malaysia turut diletakkan di tangga keempat di rantau Asia Pasifik bagi hasil jualan langsung pada tahun 2021.

Ujarnya, prestasi baik itu memperlihatkan bahawa industri jualan langsung merupakan salah satu bidang

tumpuan yang berupaya menyumbang dalam mengukuhkan ekonomi negara.

"Jualan langsung ini penting dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan termasuklah pendapatan tambahan, selain menyediakan peluang perniagaan kepada masyarakat.

"Sebelum ini, banyak pihak masih menganggap bahawa industri ini mempromosikan perniagaan berdasarkan skim piramid atau skim cepat

kaya, namun perniagaan ini kini terbukti mampu menjadi sumber untuk menjana pendapatan melalui syarikat Lesen Jualan Langsung yang sah," katanya.

Tambah Alexander, industri jualan langsung turut memberikan sumbangan kepada pembangunan kemahiran, pertumbuhan teknologi dan pertumbuhan serta pemerkasaan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan.

Tindakan tegas kepada syarikat langgar syarat lesen

MELAKA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan tegas berkaitan ketidakpatuhan dalam Industri Jualan Langsung.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, sebanyak 34 buah syarikat telah dibatalkan lesen kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 (Akta 500) dalam tempoh lebih dua tahun sebelum ini.

Jelasnya, antara kesalahan dilakukan termasuklah melanggar syarat lesen, beroperasi di luar waktu serta tidak memperkenan kad identiti sekawtu menjalankan perniagaan berkenaan.

"Kami mempunyai akta tertentu untuk mengawal industri jualan langsung ini yang dijalankan secara sah, penguatkuasaan akan terus dilakukan bagi memastikan tidak



ALEXANDER menjawab soalan pemberita selepas Hari Industri Jualan Langsung Malaysia Peringkat Negeri Melaka di pusat beli-belah Mahkota Parade, semalam.

ada pihak menyalahgunakan lesen dengan aktiviti multilevel (Skim Piramid).

"Setakat ini, kami telah ambil tindakan terhadap 34

buah syarikat yang mana lesen mereka telah dibatalkan kerana melanggar peraturan dan 26 kes pula membabitkan rampasan bernilai RM4.2 juta bagi tempoh

2020 sehingga 2022," katanya. Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia Peringkat Melaka 2022

di sini, semalam. Tambahnya, KPDNHEP turut mengeluarkan kompaun sebanyak RM71,000 dan denda berjumlah RM148,000.

Mengulas lanjut, Alexander memaklumkan sehingga 1 Oktober lalu, sebanyak 398 Lesen Jualan Langsung telah diluluskan dan masih sah digunakan untuk syarikat menjalankan perniagaan berkonsepkan Jualan Langsung.

"Terdapat tiga jenis pelan pemasaran perniagaan Jualan Langsung yang ditetapkan iaitu Single Level Marketing (SLM), Multilevel Marketing (MLM) dan Pesanan Pos atau Mel (Mail Order).

"KPDNHEP meramandang serius terhadap aduan-aduan yang diterima melibatkan pelanggaran dan ketidakpatuhan kepada peruntukan ini dan kita tidak akan teragak-agak untuk membatalkan lesen mereka," katanya.

Nilai jualan langsung RM25.7 billion pada 2020

Industri beri kesan positif, letakkan negara pada kedudukan keenam dunia

Melaka: Industri jualan langsung terus memberi kesan positif kepada negara apabila Malaysia kini berada pada kedudukan keenam dunia dengan nilai jualan mencecah RM25.7 billion pada 2020.

* Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexan-

der Nanta Linggi, berkata ini mengubah persepsi yang menganggap industri ini mempromosi perniagaan berdasarkan skim piramid atau cepat kaya.

"Ini memperlihatkan industri jualan langsung satu bidang tumpuan yang berupaya menyumbang dalam mengukuhkan ekonomi negara.

"Malah, industri ini juga berupaya mewujudkan peluang kerja, menjana pendapatan, termasuk pendapatan tambahan serta peluang perniagaan dalam kalangan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia peringkat Negeri Melaka 2022 di Banda Hilir di sini, semalam.



Alexander mengadakan lawatan ke gerai pameran dan jualan pada Perasmian Hari Industri Jualan Langsung Peringkat Negeri Melaka, semalam.

(Foto BERNAMA)

Hadir sama Pengarah KPDNHEP Melaka, Norema Jaafar dan EXCO Perpaduan, Penerangan, Sumber Mantisia dan Hal Ehwal Pengguna, Ngwe Hee Sem.

Perkasa sektor PKS

Alexander berkata, industri jualan langsung menyumbang dengan ketara kepada pembangunan kemahiran dan pertumbuhan ekonomi sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pemerkaasan golongan wanita apabila 64 peratus bergiat aktif

dalam jualan langsung.

Setakat ini, katanya, sebanyak 398 lesen jualan langsung diluluskan dan masih sah untuk syarikat menjalankan operasi perniagaan berkoncepcian jualan langsung, iaitu dari pintu ke pintu, jualan secara pesanan pos, mel dan katalog serta transaksi elektronik.

Dalam pada itu, beliau berkata, KPDNHEP akan terus mengawal selia industri jualan langsung selaras Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993, terma-

suk Garis Panduan, Peraturan dan Syarat Lesen yang dikuasakan.

"Setakat ini sebanyak 34 syarikat dibatalkan lesen, manakala 26 kes dengan nilai rampasan RM4.2 juta bagi tempoh 2020 hingga 2022."

"Nilai kompaun yang dikenakan pula RM71,000 dan denda RM148,000 dengan antara kesalahan ialah melanggar syarat lesen, beroperasi luar waktu dan tidak menunjukkan kad pengenalan petugas," katanya.



ALEXANDER (dua dari kanan) mengadakan lawatari ke gerai pameran dan jualan pada perasmian Hari Industri Jualan Langsung Peringkat Negeri Melaka di sebuah pusat beli-belah dekat Bandar Hilir, Melaka.

Jualan langsung: Malaysia di tempat keenam

Melaka: Industri jualan langsung terus memberi impak positif kepada negara apabila Malaysia kini berada pada kedudukan keenam dunia dengan nilai jualan menceraah RM25.7 bilion pada 2020.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia sekali gus mengubah persepsi yang menganggap industri ini mempromosikan perniagaan berdasarkan skim piramid atau cepat kaya.

Beliau berkata, rakyat di negara ini digalakkan mencebur industri jualan langsung berikutan potensi dan nilai jualannya amat menguntungkan bukan saja dalam negara malah di peringkat dunia.

"Industri jualan langsung kini berjaya beroperasi di lebih 100 negara dengan saiz pasaran global bernilai AS\$200.1 bilion dan dijangka mencecah AS\$286.7 bilion menjelang 2028."

Berdasarkan Laporan Jualan Peruncitan Jualan Langsung Global 2021 yang dikeluarkan oleh Persekutuan Persatuan Jualan Langsung Dunia, Malaysia cemerlang apabila berada pada kedudukan keenam di peringkat global dan tempat keempat di Asia Pasifik dari segi rekod nilai jualan.

"Pencapaian ini membuktikan bahawa pertumbuhan industri jualan langsung adalah amat dinamik dan mampu berkembang menjadi satu industri besar yang menyumbang kepada ekonomi domestik negara.

"Ia juga menunjukkan Malaysia sangat aktif dan



Industri jualan langsung kini berjaya beroperasi di lebih 100 negara dengan saiz pasaran global bernilai AS\$200.1 bilion dan dijangka mencecah AS\$286.7 bilion menjelang 2028"

Alexander Nanta Linggi

penting dalam bidang ini, sebab itu kita lancarkan Hari Industri Jualan Langsung (HIJL) ini.

"(Justeru) kementerian sangat menggalakkan minat dalam kalangan rakyat untuk mencebur bidang ini dan giat mempromosikannya," katanya selepas merasmikan Hari Industri Jualan Langsung Peringkat Negeri Melaka 2022 di pusat beli-belah Mahkota Parade di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Perpaduan, Penerangan, Sumber Manusia dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem dan Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar.

HIJL 2022 peringkat Negeri Melaka dilancarkan bertujuan menggerakkan industri jualan langsung yang berperanan besar dalam merancakkan ekonomi baik di Melaka dan seluruh negara.

Sementara itu, ditanya mengenai tindakan pengkuasaan dilakukan kementerian dalam mengawal selia industri itu, katanya sebanyak 34 syarikat dibatalkan lesen setakat ini.

SINAR AHAD | 16 OKTOBER 2022

PRU 14 MALAYSIA BERINTEGRITI NASIONAL 7
PILIHAN RAYA UMUM KE-15

Menyumbang kepada pembangunan kemahiran, pertumbuhan ekonomi dan sektor PKS

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA

Industri jualan langsung berjaya mencatatkan peningkatan satu anak tangga dengan kedudukan nombor enam ketika ini.

Meriti Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kedudukan itu memperlihatkan bahawa industri jualan langsung merupakan satu bidang tumpuan yang berupaya menyumbang dalam mengukuhkan ekonomi negara.

Menurut beliau, Malaysia turut menunjukkan angka positif pada kedudukan keempat bagi rantau Asia pada tahun lalu seperti mana laporan di keluaran World Federation of Direct Selling Association (WFDSA) 2021.

Katanya, nilai jualan industri itu merekodkan sebanyak RM25.7 billion bagi tahun 2020 meningkat 19.53 peratus dari tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM21.5 billion.

"Kepentingan industri ini mampu mewujudkan peluang pekerjaan, menjana pendapatan termasuk pendapatan tambahan serta peluang perniagaan kepada masyarakat," kata beliau.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis perasmian Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia Peringkat Negeri 2022 di Banda Hilir di sini pada Sabtu.

Alexander (lima dari kiri) menyampaikan lesen kepada seorang wakil syarikat jualan langsung.

Industri jualan langsung jana pendapatan

Hadir sama, Exco Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna, Ngwe Hee Sam dan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar.

Tambah beliau, setakat Oktober lalu, sebanyak 398 lesen jualan langsung telah diluluskan dan masih sah untuk syarikat-syarikat menjalankan operasi perniagaan.

"Daripada jumlah itu enam merupakan syarikat berdaftar di Melaka. Industri jualan langsung ini telah menyumbang dengan ketara kepada pembangunan kemahiran, pertumbuhan ekonomi dan sektor perusahaan kecil dan sekerohan (PKS) serta pemerkasaan," kata beliau lagi.

Sebanyak 22 syarikat jualan langsung berdaftar menyertai program tiga hari itu yang bermula Jumaat.

Tindakan syarikat langgar Akta Jualan Langsung

KPDNHEP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap syarikat yang melanggar Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 (Akta 500).

Alexander berkata, dalam tempoh antara 2020 hingga 2022 September lalu, sebanyak 34 syarikat telah dibatalkan lesen dengan jumlah 26 kes rampasan.

"Kesemua rampasan itu membabitkan nilai RM4.2 juta manakala kompaun yang dicatatkan berjumlah RM71,000 dan denda RM148,000 telah



Alexander (tiga dari kiri) ketika simbolik menyempurnakan majlis perasmian Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia Peringkat Negeri Melaka 2022 di Banda Hilir pada Sabtu.

dikenakan kepada mereka terlibat.

"Antara kesalahan termasuk melanggar syarat lesen, beroperasi di luar waktu serta tidak memperkenan kad identiti se-waktu menjalankan perniagaan berkenaan," kata beliau.

Jelas beliau, banyak pihak menganggap industri jualan langsung mempromosikan perniagaan berdasarkan skim piramid atau skim cepat kaya.

Namun ujar beliau, perniagaan itu terbukti mampu menjadi sumber menjana pendapatan melalui syarikat pemegang jualan langsung yang sah selain menyediakan peluang pekerjaan.



Sebahagian wakil syarikat jualan langsung yang turut hadir memeriahkan program.



Alexander (kiri) melihat reraui pempamer ketika program berlangsung.



Alexander (dua dari kiri) ketika memberi kata-kata semangat kepada wakil syarikat yang dilawati.

RM3.28 bilion sasaran nilai jualan Kempen Beli Barang Malaysia 2022

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mensasarkan nilai jualan berjumlah RM3.28 bilion sempena Kempen Beli Barang Malaysia, tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, jumlah itu merupakan peningkatan sebanyak 2.5 peratus berbanding kutipan nilai jualan tahun lalu iaitu RM3.08 bilion.

Menurut beliau, kempen itu telah mula dilaksanakan kerajaan sejak 1984 bertujuan untuk menggalas pengguna memilih produk dan perkhidmatan tempatan.

"Saya yakin dengan kemampuan produk dan perkhidmatan tempatan, ia bukan sahaja setanding dengan jenama antarabangsa, sama kualiti malah pada harga lebih murah."

"Oleh itu, kempen ini dilaksana bertujuan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi domestik, meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan Keluarga Malaysia, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang produk tempatan dan juga membantu pengusaha memasarkan produk mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) Tahun 2022



ALEXANDER Nanta Linggi (tengah) melawat gerai pameran pada majlis pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia 2022 di Angsana Mall, Johor Bahru. - MINGGUAN/RAJA JAAFAR ALI

dan Pelancaran Penandaan Logo Barang Malaysia yang diadakan di pusat beli belah Angsana Johor Bahru Mall.

Turut hadir, Pengarah KPDNHEP Johor, Mohd. Hairul Anuar Bohro dan Pegawai Daerah Johor Bahru, Datuk Abdul

Rahman Salleh.

Tambah Alexander Nanta Linggi, penandaan logo baru itu merupakan satu penambahbaikan yang merangkumi tiga kategori iaitu produk Malaysia, buatan Malaysia dan juga rekaan Malaysia.

"Penandaan Logo Barang

Tambah Alexander Nanta Linggi, penandaan logo baru itu akan berkuat kuasa bermula 1 November ini yang bertujuan untuk melihat lebih banyak produk tempatan diiktiraf dan dikenali sama ada di pasaran domestik maupun antarabangsa."

"Logo Buatan Malaysia ini akan menjadi pemangkin serta nilai tambah dan juga jaminan kualiti terhadap produk sesuatu produk tempatan kerana ia perlulah ujian saringan kualiti serta pembungkusan sewajarnya," ujarnya.

Dalam pada itu, Karnival Barang Malaysia 2022 berkenaan akan dianjurkan selama tiga hari bermula hari ini melibatkan seramai 127 pempamer terdiri daripada perusahaan produk dan perkhidmatan tempatan.

Salah seorang pengusaha, Norida Dahlia, 58, memberitahu, dia menyambut baik usaha kerajaan mempromosi produk dan mengukuhkan pengusaha tempatan melalui Kempen Beli Barang Malaysia.

Pemilik syarikat kraftangan Norli Creation itu memberitahu, kempen berkenaan membantu perniagaan yang diasaskan bersama suami sejak 2016 itu berkembang.

"Saya memang banyak melibatkan diri dengan pelbagai expo khususnya seperti kempen beli barang tempatan ini, hal ini kerana ia memberi kami peluang untuk memasarkan produk kepada pasaran lebih luas."

"Perniagaan saya adalah menghasilkan produk jahitan seperti tudung, pakaian, beg tangan dan topi menggunakan kain yang dicorakkan dengan tumbuh-tumbuhan tempatan, ia agak unik," jelasnya.

KPDNHEP sasar tingkat jualan barang buatan Malaysia RM80j

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyasarkan peningkatan 2.5 peratus atau RM80 juta daripada jumlah jualan barang buatan Malaysia, tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata sasaran itu dibuat hasil keberkesanan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) yang dijalankan ketika ini, selain keyakinan pengguna terhadap barangan dihasilkan pengusaha tempatan.

Katanya, KPDNHEP yakin jumlah jualan barangan buatan Malaysia akan meningkat kepada RM3.28 bilion tahun ini berbanding hanya RM3.2 bilion yang dicatatkan tahun lalu.

"Karnival Barang Malaysia 2022 (KBM2022) adalah jenama baharu dalam keluarga KBBM yang sudah dirancang sejak awal tahun lagi dan menerima per-

tutan kerajaan dalam Bajet 2022.

"KBBM 2022 di Johor Bahru yang diadakan tiga hari di padang Angsana Mall Johor Bahru sehingga Ahad (esok) adalah siri kedua selepas ia diadakan awal bulan lalu di Ipoh, Perak.

"Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata sasaran itu dibuat hasil keberkesanan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) yang dijalankan ketika ini, selain keyakinan pengguna terhadap barangan dihasilkan pengusaha tempatan.

"Pelancaran KBBM 2022 yang diadakan sempena KBM adalah usaha berterusan kerajaan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi domestik, meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kualiti produk serta perkhidmatan Malaysia, selain membantu pengusaha tempatan dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Kempen Beli Barang Ma-



Alexander (tiga dari kanan) melawat reraui pameran dan jualan selepas majlis pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia 2022 sempena Karnival Barang Malaysia di Johor Bahru, kelmarin. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

laysia (KBBM) sempena Karnival Beli Barang Malaysia 2022 di pekarangan Angsana Mall Johor Bahru, di sini, kelmarin.

Dalam pada itu, Alexander berkata, keberkesanan KBBM terserlah apabila barangan Malaysia kini menjadi pilihan utama dan terbukti berdasarkan trend peningkatan jualan sejak beberapa tahun lalu termasuk ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

"Jumlah jualan barang Malaysia tahun lalu sahaja di pasaran (marketplace) sudah mencatatkan sebanyak RM142 juta membabitkan 1,070,340 SKU (Stock

Keeping Unit).

"Jualan pelbagai barang Malaysia di rangkaian pasar raya besar, pasar raya, kedai serbaneka dan kedai serbaneka di seluruh negara pula mencapai jualan 173,239 SKU dengan nilai jualan RM3.08 billion," katanya.

Lancar 3 kategori logo
Sementara itu, KPDNHEP turut melancarkan tiga kategori logo barang buatan Malaysia yang baharu, kelmarin membabitkan peluasan kategori logo kepada Produk Malaysia, Buatan Malaysia dan Rekaan Malaysia.

"Tiada bayaran dikenakan ter-

hadap mana-mana pengusaha produk tempatan yang memohon untuk menggunakan tiga logo berkenaan dan penggunaannya adalah secara sukarela.

"KPDNHEP menguatkuasakan penandaan tiga logo barang Malaysia yang baharu ini bermula 1 November hanti pada yang bermimat.

"Tiga logo barang Malaysia ini memberi nilai tambah dan jaminan kualiti terhadap produk keluaran tempatan kerana penggunaan logo ini perlu melalui prosedur permohonan dan tidak diberikan sewenang-wenangnya," katanya.

KPDNHEP, MAFI atasi masalah kurang ayam, telur

JOHOR BAHRU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengadakan sesi libat urus bersama penternak ayam bagi meningkatkan pengeluaran telur yang kini sukar didapati di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, sesi libat urus tersebut akan turut melibatkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Jabatan Veterinar.

Katanya, perkara itu bagi mengenal pasti permasalahan dihadapi penternak akibat kekurangan bekalan telur ayam

dan bagi mencari penyelesaian terbaik.

"Telur ini kita dapat maklumat ada berlaku kekurangan bekalan, dan pemantauan sedang dibuat secara berterusan. Namun kita akan adakan sesi libat urus dengan penternak untuk tingkatkan pengeluaran bekalan telur."

"Kita juga akan lakukan penguatkuasaan, jika terdapat mana-mana pihak yang didapati melakukan perbuatan menyalahi undang-undang (seperti menyorokannya bekalan), kita akan kenakan tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) Tahun 2022 dan Pelancaran Penandaan Logo Barang Malaysia yang diadakan di pusat beli belah Angsana Johor Bahru Mall.

Turut hadir, Pengarah KPDNHEP Johor, Mohd. Hairul Anuar Bohro dan Pegawai Daerah Johor Bahru, Datuk Abdul Rahman Salleh.

Sementara itu, beliau turut menasihati pengguna untuk menggunakan kuasa mereka dengan bijak dan tidak

menyalahkan kerajaan semata-mata dalam soal kekurangan bekalan produk.

"Pihak kerajaan sudah melaksanakan langkah yang perlu, tetapi agak sukar untuk kita jamin masalah bekalan akan seperti telur akan selesai segera. Namun kita ingatkan pengguna tumpu kemarahan kepada mereka, bukan kepada kerajaan dan penguatkuasa."

"Tidak adil pengguna tumpu kemarahan kepada penguatkuasa yang sebenarnya sedang membantu untuk menyelesaikan

masalah ini, jadi saya harap pengguna gunakan hak dengan lebih baik," ujarnya.

Dalam pada itu, pihaknya turut memberitahu bekalan barang keperluan asas mencukupi sempena sambutan perayaan Deepavali tidak lama lagi.

"Seperti kebiasaan, kita akan laksanakan skim kawalan harga barang bagi beberapa produk sempena musim perayaan. Selain itu berdasarkan periksa kita dapatkan bekalan barang keperluan asas adalah mencukupi," jelasnya.

Kawalan harga punca bekalan telur ayam terputus

Kuala Terengganu: Kawalan harga yang terlalu lama menjadikan punca industri yang menyebabkan rantahan bekalan telur ayam terputus di negara ini.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata sebelum ini kawalan

harga dibuat sebelum dan selepas perayaan saja.

Menurutnya, pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan berbincang bagi menangani masalah ketidakaan telur ayam yang semakin serius.

"Hasil maklumat yang kita terima dari MAFI, industri

memberi alasan kawalan harga terlalu lama dibuat kerajaan berbanding di muslim perayaan sehingga mereka terpaksa menanggung kos pengeluaran.

"Selain itu, KPDNHEP juga sudah memaklumkan kepada MAFI keluhan industri yang mendakwa yang mereka lambat menerima pembayaran subsidi

telur ayam dan diharap segera mengatasinya ini sekeranya berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Kempen Beli Barang Malaysia Peringkat Negeri Terengganu di KTCC Mall Kuala Terengganu, di sini, semalam. Y

Rosol berkata, pihaknya ber-

harap MAFI dapat melihat langkah yang dapat dilaksanakan untuk mengatasinya bekalan telur ayam semakin teruk.

Menurutnya, pihaknya juga bimbang, masalah gangguan bekalan telur berlaku lebih panjang kerana tempoh pengeluaran telur ayam mengambil masa antara dua hingga enam bulan.